

# Kenaikan Kos Sara Hidup, Kesan Kepada Rakyat

Julizah Sabstu

Maktab Koperasi Malaysia Cawangan Selatan

## Pengenalan

Kos sara hidup dan taraf hidup adalah dua perkataan yang saling berkait rapat antara satu sama lain. Kos sara hidup adalah kos yang terpaksa ditanggung oleh isi rumah bukan sahaja untuk memenuhi keperluan asas seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal tetapi juga keperluan-keperluan lain untuk keselesaan hidup termasuk kos pendidikan, kos sambungan jalur lebar dan kos kenderaan untuk kegunaan harian. Manakala taraf hidup mengukur perbandingan di antara pendapatan boleh belanja yang diterima oleh seseorang atau keluarga dengan kos sara hidup. Sekiranya pendapatan berada pada kadar yang lebih rendah berbanding dengan kos sara hidup, maka taraf hidup seseorang dikatakan merosot dan begitu juga sebaliknya.


Peningkatan pendapatan yang tidak selari dengan kenaikan kos sara hidup menghimpit masyarakat pada hari ini. Menurut Dr. Mohamad Fazli Sabri, Ketua Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian Pengguna Fakulti Ekologi Manusia Universiti Putra Malaysia (UPM), kadar inflasi dijangka sekitar 3.2 peratus bagi 2014 dan peningkatan gaji tahunan rakyat Malaysia hanya dua hingga tiga peratus ini menyebabkan kebanyakan pendapatan boleh guna dibelanjakan ke atas keperluan asas. Majoriti pendapatan digunakan untuk bayaran ansuran seperti perumahan, kenderaan, pendidikan dan pinjaman peribadi. Situasi ini menyebabkan mereka tidak mempunyai lebihan wang untuk dibelanjakan ke atas barang lain.

Secara teorinya, semakin meningkat kos sara hidup semakin kurang kuasa beli pengguna. Bagi individu, inflasi akan mengurangkan pendapatan benar dan keadaan ini menjadi serius jika kadar kenaikan harga atau kadar inflasi jauh lebih tinggi daripada kadar kenaikan pendapatan wang individu yang akan memberi kesan kepada kuasa beli mereka dan juga kualiti hidup secara keseluruhan.

Kenaikan kos sara hidup terjadi setiap tahun walaupun terdapat banyak rungutan dan rintihan daripada rakyat tentang kenaikan harga barang pengguna. Isu kenaikan kos sara hidup ini menjadi perbualan hangat rakyat di mana-mana.

## Nilai Pendapatan (gaji) yang Diterima

Kos sara hidup di Malaysia dikatakan jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan negara-negara lain. Walau bagaimanapun, kita perlu sedar bahawa nilai gaji yang diterima di Malaysia juga adalah lebih rendah berbanding negara-negara lain. Kenyataan ini dibuktikan melalui data yang dikeluarkan oleh International Labour Organisation (ILO) melalui laman BBC. Data tersebut menunjukkan perbandingan nilai gaji antara 72 buah Negara di dunia di mana kedudukan Malaysia dihimpit antara negara Belarus dan Botswana dan menduduki tangga ke-45 seperti dalam rajah di bawah.



Rajah 1: Nilai gaji dalam 72 buah negara


Sumber : [bbc.co.uk](http://bbc.co.uk)

- **Perbandingan Harga Kenderaan di Malaysia dengan Negara Luar**

Isu yang hangat diperkatakan dan sering dikaitkan dengan gaji yang diterima adalah harga kenderaan di Malaysia. Harga kenderaan di Malaysia dikatakan terlalu tinggi berbanding negara luar dan pendapatan purata isi rumah rakyatnya. Di Malaysia, rakyat terpaksa menanggung dua komponen kos yang perlu dibayar apabila membeli sebuah kereta seperti kos kereta (termasuklah keuntungan kepada pengilang/syarikat automotif) dan cukai yang dikenakan kerajaan. Bagi kereta yang diimport dari luar negara juga mempunyai struktur kos yang sama, tetapi harganya lebih tinggi kerana terdapat dua komponen kos tambahan. Setiap kereta yang diimport dikenakan cukai import 30 peratus dan harga jualan kereta import

melonjak gara-gara lesen 'Approved Permit' (AP) yang diperlukan untuk mengimpor.

Struktur kos ini menyebabkan harga kereta di Malaysia lebih tinggi berbanding negara-negara ASEAN lain kecuali Singapura. Walau bagaimanapun, sumber yang dikeluarkan oleh Institut Automotif Malaysia (IAM) mendapati harga kereta adalah kompetitif di peringkat rantau ini dengan mengambil kira kos-kos pemilikan. Harga kereta di Malaysia tidak boleh dibandingkan dengan Singapura disebabkan pada hakikatnya keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) per kapita Singapura adalah lima kali lebih tinggi berbanding Malaysia. Malah KDNK Singapura adalah lebih tinggi dari KDNK per kapita Amerika Syarikat. Berikut graf KDNK yang dikeluarkan dari laman web Tradingeconomics:

SINGAPORE GDP PER CAPITA  
GDP Per Capita in US Dollars at Constant Prices Since 2000MALAYSIA GDP PER CAPITA  
GDP Per Capita in US Dollars at Constant Prices Since 2000

Rajah 2: KDNK Singapura berbanding KDNK Malaysia

Sumber: Utusan Malaysia


Jadual 1: Keseimbangan Kuasa Beli di antara Malaysia dengan United Kingdom

Gaji	Jumlah	Kelayakan kereta yang boleh dimiliki
Malaysia	RM2080 (PPP961)	Viva (sekitar RM30,000 - RM35,000)
United Kingdom (UK)	£2080 (PPP3065)	BMW (sekitar £25,000 - £30,000)

Jadual di atas menunjukkan perbandingan Purchasing Power Parity (PPP) atau keseimbangan kuasa beli di antara Malaysia dengan United Kingdom (UK) yang mengukur hubungan di antara nilai mata wang dengan harga barang di sesebuah negara. Berdasarkan jadual tersebut, gaji di UK adalah tiga kali ganda nilainya lebih tinggi jika

dibandingkan dengan Malaysia. Malah, seseorang individu di UK mampu membeli sebuah BMW berdasarkan gaji diterima tetapi di Malaysia, seseorang individu hanya mampu membeli kereta Viva dengan pinjaman bank selama lima, tujuh ataupun sembilan tahun.

## • Peningkatan Harga Rumah



Rajah 3: Indeks harga rumah

Sumber: Berita Harian Online

Rajah di atas menunjukkan Malaysia antara negara yang paling tinggi perubahan tahunan dalam harga rumah bagi tempoh suku pertama 2013-2014. Senario kenaikan harga rumah yang amat drastik dan tidak munasabah lima tahun kebelakangan ini akibat kenaikan kos bahan mentah menyukarkan rakyat memiliki kediaman sendiri dan terpaksa menanggung sewa yang mahal. Keluhan ini bukan sahaja daripada golongan berpendapatan rendah tetapi ia turut diluahkan oleh rakyat berpendapatan sederhana yang menyifatkan mereka sebagai golongan étersepit dan miskin di bandar raya kerana tidak mampu membeli rumah tetapi pada masa sama tidak layak menikmati insentif skim perumahan yang ditawarkan kerajaan.

Sebagai contoh, rumah yang terletak di kawasan elit meskipun mempunyai kuota bumiputera tetap tidak dapat dimiliki kerana harganya telah mencecah hampir RM450,000 seunit. Jumlah yang besar ini menyebabkan gaji yang diperuntukkan untuk membayar pinjaman perumahan mencecah RM3,000-RM6,500 sebulan.

Contoh di atas jelas gaji yang diterima oleh rakyat di Malaysia khususnya golongan berpendapatan sederhana dan rendah adalah tidak selari dengan kenaikan kos pembelian rumah yang terlalu mendadak. Menurut Kosmo (1 September 2014), semua rakyat perlu mempunyai pendapatan sekitar RM12,000 sebulan bagi memiliki sebuah rumah teres bagi menampung kemungkinan kenaikan harga rumah teres pada masa akan datang (2020).


## Faktor Peningkatan Kos Sara Hidup

Harga barang ditentukan oleh faktor permintaan dan penawaran. Harga barang akan meningkat sekiranya permintaan melebihi penawaran. Sebaliknya harga barang akan merosot sekiranya penawaran melebihi permintaan. Peningkatan harga barang dalam pasaran dunia juga disebabkan oleh faktor tersebut. Antara faktor peningkatan permintaan adalah:

- Peningkatan jumlah penduduk di dunia.
- Kemampuan kuasa membeli oleh bilangan besar penduduk (India dan China) di dunia kerana China (19.18%) dan India (17.32 %) merupakan negara yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi. (Sumber dari United Nation dan US Census Bureauís).
- Kejatuhan rejim komunis di beberapa negara telah menyebabkan negara-negara tersebut mula mengamalkan sistem ekonomi kapitalis (free market).
- Kekurangan bekalan komoditi pertanian akibat cuaca buruk dan bencana alam seperti cuaca buruk di Eropah, banjir di China dan Asia.
- Pergolakan politik yang tidak menentu terutama di negara-negara Timur Tengah dan negara-negara pengeluar minyak turut menjelaskan baranagn keperluan asas.

## Implikasi Peningkatan Kos Sara Hidup

Peningkatan kos sara hidup yang drastik ini amat mengganggu situasi rakyat akibat ketidakcukupan pendapatan untuk menampung keperluan asas serta bebanan hutang yang ditanggung bagi menampung kenaikan kos barang, perkhidmatan dan juga keperluan harian. Meskipun pertumbuhan ekonomi domestik berkembang dengan lebih kukuh pada suku pertama tahun 2014 antara 5 hingga 5.5 peratus, Rajah 4 menunjukkan Malaysia merupakan antara negara yang mempunyai kadar hutang yang tinggi bagi isi rumah jika dibandingkan dengan negara lain iaitu pada kadar 140 peratus. Ini merupakan petanda tidak baik yang akan mendatangkan pelbagai implikasi buruk kepada psikologi, sosial, keselamatan dan juga pengangguran.



Rajah 4: Keberhutangan isi rumah di Malaysia

Sumber: Penang Monthly; OECD Factbook 2010/Finfacts Ireland; CAP/Malaysian Insider

### • Psikologi

Implikasi buruk yang utama dikenal pasti adalah dari sudut psikologi. Psikologi seseorang akan terjejas akibat daripada ketidakmampuan untuk menjelaskan bebanan hutang. Seseorang individu akan berasa tertekan berhadapan situasi ini yang akan mengundang simptom tekanan seperti sukar untuk tidur, hilang selera makan, sakit kepala, bimbang, mudah marah dan sebagainya.

### • Sosial

Kenaikan kos sara hidup juga turut mempengaruhi aspek sosial. Apabila pendapatan isi rumah tidak dapat menampung perbelanjaan maka individu tersebut terpaksa mencari pekerjaan sambilan atau tambahan bagi menampung keperluan perbelanjaan yang tidak mencukupi. Ini akan menyebabkan individu tersebut terpaksa melakukan dua kerja iaitu meneruskan kerja tambahan selepas kerja hakiki tamat.

Disebabkan kesibukan masa bekerja, masa berkualiti bersama anak-anak berkurangan terutama bagi mereka yang telah pun berumah tangga dan akhirnya akan memberi kesan kepada institusi kekeluargaan. Sekiranya berterusan, natijahnya menyebabkan masalah sosial berlaku seperti penceraian, pergaduhan, penderaan dan juga gejala sosial dalam kalangan remaja di Malaysia pada hari ini.

### • Keselamatan

Faktor keselamatan juga terjejas dengan peningkatan kos sara hidup yang melampaui kemampuan pendapatan per kapita rakyat pada masa kini. Aktiviti jenayah berat seperti kecurian, rompakan dan juga penculikan banyak berlaku akhir-akhir ini dan menunjukkan peningkatan saban tahun menurut Pasukan Bertindak Pemantau Jenayah Malaysia (MyWatch). Faktor utama yang menyebabkan jenayah berat ini terus berleluasa disebabkan oleh kesempitan wang untuk berbelanja dan untuk mendapatkan kemewahan segera selari dengan peningkatan harga barang, perkhidmatan serta keperluan asas yang begitu drastik.

### • Pengangguran

Dalam krisis ekonomi pada masa kini, pekerja dalam sektor swasta sama ada syarikat atau kilang mudah diberhentikan. Golongan lepasan universiti atau kolej pula sukar mendapat pekerjaan disebabkan oleh pihak majikan yang hendak mengurangkan kos penggajian pekerja dan juga mengurangkan kos operasi. Akibatnya seseorang individu tiada sumber pendapatan dan situasi ini meningkatkan kadar pengangguran yang berlaku di Malaysia. Kadar pengangguran di Malaysia ialah 2.8 peratus (Jun, 2014) dan kesan pengangguran ini akan menyebabkan kemiskinan berlaku dalam kalangan

rakyat. Pada masa yang sama pendapatan negara melalui kutipan cukai individu dan syarikat turut terjejas.

## Peranan Koperasi dalam Menangani Peningkatan Kos Sara Hidup

Semua pihak perlu berganding bahu dalam menangani peningkatan kos sara hidup agar rakyat tidak terus terbeban. Sebagai individu, seharusnya perancangan yang teliti perlu dibuat sebelum berbelanja dan hanya berbelanja bagi barang yang diperlukan dan tidak perlu membazir.

Bagi kerajaan pula, pemantauan dan penguatkuasaan perlu dilakukan dengan sebaiknya dengan mengutamakan keperluan rakyat meliputi isu-isu seperti pembelian rumah, barang keperluan harian, kenaikan harga petrol, bayaran tol yang terdapat di kawasan bandar-bandar besar seperti di Kuala Lumpur yang sangat membebankan rakyat.

Selain individu dan kerajaan, terdapat satu lagi badan yang dapat membantu mengekang dan mengurangkan peningkatan kos sara hidup iaitu koperasi. Ramai yang tidak mengetahui koperasi juga mempunyai peranan dalam mengurangkan peningkatan kos sara hidup. Bilangan anggota koperasi yang melebihi tujuh juta atau satu perempat daripada populasi negara dapat mempengaruhi penawaran dan permintaan barang pengguna dalam pasaran. Ini secara tidak langsung menunjukkan kuasa gerakan koperasi dapat memberi kesan kepada harga barang pengguna dalam pasaran.

Terdapat beberapa inisiatif yang boleh dilakukan oleh koperasi bagi mengurangkan peningkatan kos sara hidup. Antaranya adalah dengan memperkasa dan memanfaatkan sepenuhnya rangkaian pemasaran koperasi sedia seperti subsidiari Koperasi Permodalan Felda Bhd iaitu Felda Trading Sdn Bhd, Koperasi Jaringan Sepadu Bhd dan 12 lagi koperasi yang dilantik sebagai pusat pengedaran di seluruh negara. Kewujudan pusat pengedaran ini seharusnya dapat menjimatkan kos pengangkutan dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Bukan itu sahaja, koperasi juga boleh mewujudkan pusat pengumpulan pelbagai hasil pengeluaran koperasi di setiap negeri bagi memudahkan urusan pengumpulan dan pengedaran barang, menambahkan bilangan koperasi untuk memiliki lesen dan permit untuk mengimport dan mengedar barang kawalan serta meningkatkan penglibatan koperasi dalam semua peringkat rantai nilai ekonomi.

Inisiatif lain yang boleh mengurangkan kos kenaikan sara hidup adalah dengan menyediakan pakej insentif kepada koperasi bagi memperkasakan peranan koperasi dalam perdagangan pengedaran di mana ia berupaya untuk menawarkan harga yang berpatutan kepada pengguna dalam mengimbangi kos sara hidup. Menurut sumber Utusan Malaysia 22 Feb 2014, dengan meningkatkan

kapasiti operasi dan menambahkan bilangan pusat pengedaran (DC), sub pusat pengedaran, Program Transformasi Kedai Runcit (TUKAR), kedai COOP dan pasaraya COOP ia mampu memasarkan barang pengguna pada harga yang kompetitif dan dapat mengekalkan kualiti yang setanding dengan produk lain dalam pasaran.

## Kesimpulan

Peningkatan kos sara hidup adalah realiti yang harus diharungi oleh penduduk sesebuah negara terutama oleh golongan yang berpendapatan sederhana dan rendah. Ramai dalam kalangan penduduk di Malaysia rata-rata membuat dua pekerjaan semata-mata untuk menampung kos sara hidup yang dikatakan membebankan rakyat pada masa kini. Bukan sahaja untuk menampung kenaikan harga barang malah bagi pendidikan yang harus diberikan kepada anak-anak. Pendidikan merupakan keperluan kepada anak-anak kerana tanpa pendidikan anak-anak tiada hala tuju pada masa akan datang.

Peningkatan kos sara hidup yang tidak sejajar dengan peningkatan dalam kenaikan gaji menyebabkan hampir

keseluruhan gaji diperuntukkan untuk membeli keperluan barang harian, membayar sewa rumah atau pinjaman perumahan dan kenderaan. Gaji minimum yang ditetapkan kerajaan sebanyak RM900.00 adalah tidak mencukupi sekiranya hanya seorang daripada ahli keluarga yang bekerja. Kemungkinan implikasi negatif akan terus menjadi barah kepada masyarakat kita pada hari ini kerana ibu-bapa sibuk mencari nafkah sehingga mengabaikan tanggungjawab untuk mendidik anak-anak di rumah.

Untuk menangani barah yang terus menular dalam kalangan masyarakat Malaysia pada hari ini, semua pihak tidak kira individu, kerajaan, sektor swasta maupun sektor koperasi haruslah memainkan peranan masing-masing bersama-sama berbincang dan berganding bahu bagi menangani masalah kenaikan kos sara hidup yang berkemungkinan akan meningkatkan lagi jurang kekayaan di antara masyarakat di mana golongan yang kaya terus menjadi kaya dan golongan miskin akan terus ditindas. Bak kata pepatah 'bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat'.

## Rujukan

- Ahmad Azam Sulaiman @ Mohamad., & Mohammad Fadzli Hashim.(2011). Kesan kitaran ekonomi terhadap peningkatan kadar indeks jenayah di Malaysia. (Jilid 1). Dicapai dari <http://www.ukm.my/fep/perkem/pdf/perkemVI/PERKEM2011-1-3B5.pdf>
- Ama Gil.(2014). 10 bandar kos sara hidup paling tinggi di Malaysia. Dicapai dari <http://amazinggila.blogspot.com/2014/01/10-bandar-kos-sara-hidup-paling-tinggi.html>
- Harga kereta di Malaysia lebih murah daripada harga kereta di Singapura? (2012, Feb 14). Berita Semasa. Dicapai dari <http://www.beritasemasa.com.my/harga-kereta-di-malaysia-singapura>
- Jamal Ali.(2010). Taraf hidup dan kos sara hidup. Dicapai dari <http://jamal7478.blogspot.com/2010/07/taraf-hidup-dan-kos-sara-hidup.html>
- Khairul Najib Asarulah Khan.(2014, Feb 22). Kos sara hidup boleh dikawal. Utusan Online. Dicapai dari [http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam\\_Negeri/20140222/dn\\_12/Kos-sara-hidup-boleh-dikawal](http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20140222/dn_12/Kos-sara-hidup-boleh-dikawal)
- M.Perry. (2014). Isu kenaikan kos sara hidup rakyat Malaysia. Dicapai dari <http://free2talk2me.blogspot.com/2014/01/isu-kenaikan-kos-sara-hidup-rakyat.html>
- Nan Ad. (2012). Kereta Nasional : Antara kualiti dan harga,rakyat Malaysia dipermainkan? Dicapai dari <http://tunhitler08.blogspot.com/2012/05/kereta-nasional-antara-kualiti-dan.html>
- Nilai gaji di Malaysia dengan 72 negara lain di dunia.(2012, April 2). Berita Semasa. Dicapai dari <http://www.beritasemasa.com.my/gaji-di-malaysia>
- Nor Hartini Saari.(2014). Implikasi kenaikan kos sara hidup gugat kebahagiaan. Dicapai dari <http://www.ikim.gov.my/index.php/ms/utusan-malaysia/8835-implikasi-kenaikan-kos-sara-hidup-gugat-kebahagiaan>
- Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan(PEMANDU).(2012). Program Transformasi Kerajaan.Dicapai dari [http://www.pemandu.gov.my/gtp/annualreport2012/upload/BM\\_GTP2012\\_AR\\_03\\_Menangani\\_Kos\\_Sara\\_Hidup\\_Rakyat.pdf](http://www.pemandu.gov.my/gtp/annualreport2012/upload/BM_GTP2012_AR_03_Menangani_Kos_Sara_Hidup_Rakyat.pdf)